

**KERTAS PELAPORAN
JAWATANKUASA PEMANDU
TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)**

KAJIAN PRA UJIAN SOAL SELIDIK BERSEPADU PENYIASATAN EKONOMI

Disediakan oleh:

Bahagian Metodologi dan Penyelidikan

Jabatan Perangkaan Malaysia

November 2016

**Kertas Cadangan Dan Pelaporan
Kajian Di Bawah Jawatankuasa Pemandu Teknikal Statistik**

1. **Tajuk kajian:** Kajian Pra Ujian Soal Selidik Bersepadu Penyiasatan Ekonomi

1.1 Teras Strategik 2: Pengurusan sumber dan infrastruktur yang efisien.

1.2 Strategi 1: Mentransformasi sistem dan proses penyusunan statistik.

2. **Latar belakang**

Pelaksanaan pra-ujian Soal Selidik Bersepadu Bagi Penyiasatan Ekonomi (SSBPE) adalah lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Soal Selidik Bersepadu Penyiasatan Ekonomi Bil.1/2015 yang telah diadakan pada 21 November 2014 sebagai salah satu usaha bagi penambahbaikan pelaksanaan pungutan data oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Pelaksanaan soal selidik bersepadu ini adalah lanjutan daripada kajian-kajian yang telah dibuat oleh Bahagian Metodologi dan Penyelidikan (BMP) seperti:

- i. Kajian Variabel yang Digugurkan dalam Penyusunan/Penyiasatan Banci Jabatan Perangkaan Malaysia (2009/2010);
- ii. Kajian Kadar Respon Penyiasatan dan Kajian Soal Selidik Bersepadu (2011); dan
- iii. Kajian Pertubuhan Yang Menerima Lebih Daripada Satu Soal Selidik (2014).

Mesyuarat Kumpulan Kerja Soal Selidik Bersepadu Penyiasatan Ekonomi Bil.1/2015 yang telah diadakan pada 13 Januari 2015, memutuskan bahawa pelaksanaan kajian ini akan melibatkan dua peringkat iaitu peringkat mekanikal dan peringkat struktur seperti berikut:

- i. Peringkat mekanikal: memberi tumpuan kepada integrasi soal selidik mengikut penyiasatan terlibat; dan
- ii. Peringkat struktur: membangunkan asas yang kukuh dan mengkaji secara mendalam serta perlu diselaraskan dengan dasar-dasar kerajaan.

Bagi tujuan ini, satu jawatankuasa dan kumpulan kerja telah ditubuhkan dan keanggotaannya adalah seperti berikut:

Jawatankuasa	Bahagian
Pengerusi	Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi
Ahli	1. Pengarah Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
	2. Pengarah Bahagian Perangkaan Akaun Negara
	3. Pengarah Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
	4. Pengarah Bahagian Metodologi dan Penyelidikan
	5. Pengarah Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran
	6. Pengarah Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan
	7. Pengarah Bahagian Perangkaan Petunjuk Ekonomi
	8. Pengarah Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
	9. Pengarah Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial
Urus setia	Bahagian Metodologi dan Penyelidikan

Kumpulan Kerja	Bahagian
Pengerusi	Pengarah Bahagian Metodologi dan Penyelidikan
Ahli	1. Wakil Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
	2. Wakil Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
	3. Wakil Bahagian Metodologi dan Penyelidikan
	4. Wakil Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan
Urus setia	Bahagian Metodologi dan Penyelidikan

2.1 Kajian Literatur

Pelaksanaan SSBPE adalah merujuk kepada beberapa amalan terbaik (*best practices*) yang dijalankan oleh negara serantau seperti *Philippine Statistics Authority* (PSA) dan negara luar seperti *National Statistical Office of Malawi*.

Pada tahun 2003, *Integrated Survey on Labor and Employment* (ISLE) telah dilaksanakan oleh PSA bagi pengumpulan data dari penyiasatan-penyiasatan yang berbeza seperti *Survey on Specific Groups of Workers; Employment, Hours and Earnings Survey; Industrial Relations at the Workplace Survey; Occupational Injuries Survey* dan *Labor Cost Survey*. Objektif utama ISLE adalah untuk mengumpul data yang spesifik mengikut kumpulan pekerja; lebihan dan kekurangan jawatan kosong;

latihan pekerja; peningkatan produktiviti serta amalan perkongsian keuntungan; amalan kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta kos buruh.

Amalan terbaik dari negara luar juga turut diambil kira oleh DOSM sebagai panduan dalam pelaksanaan SSBPE seperti penyiasatan bersepadu bagi *Household Expenditure and Small Scale Economics Activities Survey* yang diintegrasikan daripada *Household Expenditure Survey* dan *Survey on Small Scale Economics Activities* oleh *National Statistical Office of Malawi* yang telah dilaksanakan bermula tahun 1990.

Antara maklumat-maklumat yang dikumpul adalah berkaitan profil isi rumah; pendidikan dan kesihatan; pendapatan dan perbelanjaan di samping maklumat berkaitan aktiviti ekonomi isi rumah seperti aktiviti ekonomi berskala kecil dan sederhana; profil asas aktiviti ekonomi; pendapatan dan kos buruh; output serta nilai jualan dalam tempoh dua belas bulan bagi pertubuhan yang menghasilkan pengeluaran tanaman pertanian.

2.2 Pernyataan masalah (*Problem statement*)

Pra ujian ini dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan:

- i. Responden yang akan menjawab soal selidik;
- ii. Keberhasilan responden mengembalikan borang soal selidik mengikut seksyen pada tarikh yang ditetapkan; dan
- iii. Tempoh masa yang diambil responden untuk menjawab dan mengembalikan soal selidik.

3. Objektif kajian

Pelaksanaan SSBPE adalah sebagai salah satu penambahbaikan dalam kaedah pungutan data oleh DOSM secara amnya. Secara spesifiknya, pelaksanaan soal selidik bersepadu ini adalah bagi:

- i. Mengukur kos operasi penyiasatan;
- ii. Mengukur beban responden; dan

iii. Mengukur kadar respon penyiasatan.

4. Pendekatan metodologi

SSBPE dapat dilaksanakan melalui dua kaedah sama ada melalui penyiasatan bersepadu (*integrated survey*) atau soal selidik bersepadu (*integrated questionnaire*). Bagi tujuan ini, kaedah penyiasatan bersepadu dipilih dan satu kumpulan kerja telah ditubuhkan yang dianggotai oleh Bahagian Metodologi dan Penyelidikan, Bahagian Perangkaan perkhidmatan, Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan serta Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan bagi menjalankan soal selidik bersepadu ini. Kumpulan kerja ini bertanggungjawab untuk meneliti dokumentasi berkaitan soal selidik serta pelaksanaan dari sudut operasi.


Pra-ujian soal selidik bersepadu telah dilaksanakan ke atas Penyiasatan Pembuatan Bulanan dengan Penyiasatan Harga Pengeluar yang melibatkan dua puluh sampel masing-masing bagi Negeri Sembilan dan Melaka. Kaedah pengumpulan data untuk pra-ujian soal selidik bersepadu ini menggunakan kaedah pos (biasa/berdaftar) serta melalui emel, manakala kaedah temuduga bersemuka hanya dijalankan sekiranya kadar respon tidak memuaskan. Penghantaran borang soal selidik dibuat pada 19 Mei 2016 dengan tarikh tutup penerimaan borang pada 10 Jun 2016.

4.1 Peringkat Pelaksanaan Pra Ujian

Mesyuarat Kumpulan Kerja Soal Selidik Bersepadu Penyiasatan Ekonomi Bil.4/2015 yang telah diadakan pada 19 Jun 2015. Mesyuarat ini telah memutuskan bahawa pengumpulan data untuk pra-ujian soal selidik bersepadu ini akan menggunakan kaedah pos berdaftar dan emel. Kaedah temuduga bersemuka pula akan dijalankan sekiranya respon yang diterima melalui kaedah pos dan emel kurang memberangsangkan.


Justeru itu, Mesyuarat Kumpulan Kerja Soal Selidik Ekonomi Bil. 1/2016 pada 15 Februari 2016 memutuskan bahawa pelaksanaan pra-ujian soal selidik bersepadu ini akan dijalankan ke atas Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Pungutan Harga Pengeluar. Bagi tujuan tersebut, dua negeri iaitu Melaka dan Negeri Sembilan telah dipilih melibatkan dua puluh sampel bagi setiap negeri. Sampel-sampel terpilih telah dihantar melalui pos berdaftar dan emel pada 19 Mei 2016 dengan tarikh tutup penerimaan borang soal selidik pada 10 Jun 2016.

Walau bagaimanapun, sasaran seratus peratus kadar respon borang lengkap selepas tarikh tutup penerimaan borang soal selidik tidak tercapai memandangkan hanya 50 peratus bagi Negeri Sembilan dan 25 peratus bagi Melaka, (Carta 1). Oleh yang demikian, Kumpulan Kerja Soal Selidik Bersepadu Penyiasatan Ekonomi memutuskan untuk menjalankan kerja lapangan selaras dengan keputusan Mesyuarat Kajian Soal Selidik Bersepadu Penyiasatan Ekonomi Bil.2/2016 pada 4 April 2016 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi).



Hasil kerja lapangan yang telah dijalankan pada 15 hingga 16 Ogos 2016 mencatatkan peningkatan kadar respon sebanyak 75 peratus bagi Negeri Sembilan dan 50 peratus bagi Melaka.

Carta 2 di bawah menunjukkan status respon selepas kerja lapangan dilaksanakan.





Hasil kerja lapangan yang dijalankan, beberapa isu telah dikenalpasti yang menyebabkan penerimaan kadar respon yang rendah iaitu:

- i. Pegawai bertanggungjawab (*person in charge*) telah bertukar menyebabkan emel yang dihantar tidak diterima;

- ii. Borang soal selidik hilang; dan
- iii. Responden kali pertama terpilih tidak memahami cara pengisian borang soal selidik.

Perincian peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut :



4.2 Analisis Kos Faedah

Pelaksanaan soal selidik bersepadu penyiasatan ekonomi dapat memberi nilai faedah di samping mengurangkan kos operasi penyiasatan yang dilaksanakan oleh DOSM.

Negeri	Proses	Sampel	Sebelum	Selepas
N. Sembilan	Kerja lapangan	20 sampel MM	2 anggota x 5 sampel x 2 hari = RM60*	2 anggota x 5 sampel x 2 hari = RM60
		20 sampel PPI	2 anggota x 5 sampel x 2 hari = RM60*	
	Jumlah kos			RM120.00

Negeri	Proses	Sampel	Sebelum	Selepas
Melaka	Kerja lapangan	20 sampel MM	2 anggota x 5 sampel x 2 hari = RM60*	2 anggota x 5 sampel x 2 hari = RM60
		20 sampel PPI	2 anggota x 5 sampel x 2 hari = RM60*	
	Jumlah kos			RM120.00

* andaian:

- i. saiz sampel bagi kedua-dua penyiasatan adalah sama; dan
- ii. setiap anggota meliputi 25km untuk 5 pertubuhan untuk satu hari dan tuntutan perjalanan bagi satu kilometer = RM0.60

Negeri	Proses	Sampel	Sebelum	Selepas
N. Sembilan	Kerja lapangan	20 sampel MM	2 anggota x 5 sampel = 2 hari	2 anggota x 5 sampel = 2 hari
		20 sampel PPI	2 anggota x 5 sampel = 2 hari	
	Jumlah masa			4 hari

Negeri	Proses	Sampel	Sebelum	Selepas
Melaka	Kerja lapangan	20 sampel MM	2 anggota x 5 sampel = 2 hari	2 anggota x 5 sampel = 2 hari
		20 sampel PPI	2 anggota x 5 sampel = 2 hari	
	Jumlah kos			4 hari

* andaian: saiz sampel bagi kedua-dua penyiasatan adalah sama

4.3 **Jadual pelaksanaan**

Seperti di Lampiran.

5. **Hasil dan rumusan**

5.1 ***Moving forward***

Berdasarkan pra-ujian soal selidik bersepadu yang telah dijalankan, didapati bahawa kaedah pungutan data secara temuduga bersemuka lebih sesuai dan efektif bagi pertubuhan pertama kali terpilih dalam penyiasatan DOSM. Pemilihan kaedah tersebut membolehkan maklumat-maklumat berkaitan objektif penyiasatan yang dijalankan di samping kepentingan maklumat yang dibekalkan oleh responden terhadap pembentukan polisi-polisi Kerajaan dapat diterangkan dengan lebih mendalam. Contoh borang lengkap yang telah siap diisi perlu disertakan bagi pertubuhan pertama kali terpilih untuk dijadikan panduan berkaitan tatacara pengisian borang soal selidik.

Kaedah pos dan emel pula lebih sesuai diadaptasikan bagi pertubuhan yang pernah menerima soal selidik daripada DOSM. Ini memandangkan pertubuhan-pertubuhan tersebut telah sedia memahami akan peranan DOSM sebagai agensi rasmi yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan bagi memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.

Bagi memastikan pengumpulan data bagi soal selidik bersepadu ini lebih efektif, kajian di peringkat produk perlu dilaksanakan supaya pengumpulan data adalah merujuk kepada produk yang sama. Ini memandangkan pada masa kini, tiada spesifikasi khusus bagi sesetengah produk di bawah PPI bagi pertubuhan yang terpilih dalam MM.

5.2 **Kesimpulan**

Bagi merealisasikan visi DOSM untuk menjadi sebuah organisasi statistik yang terbilang di dunia menjelang tahun 2020, pelaksanaan SSBPE boleh dianggap sebagai salah satu inisiatif DOSM ke arah mencapai hasrat tersebut. Ini memandangkan ianya dapat memberi nilai tambah melalui

penjimatan kos operasi penyiasatan di samping dalam masa yang sama berupaya meningkatkan kadar respon penyiasatan yang dijalankan.

Pelaksanaan SSBPE juga mampu melestarikan hubungan baik antara DOSM dengan responden melalui pengurangan kekerapan penerimaan borang soal selidik bagi penyiasatan yang dijalankan oleh DOSM. Sehubungan demikian, jelas bahawa pelaksanaan pra-ujian SSBPE dapat memberi faedah jangka panjang kepada DOSM sama ada dari sudut pengurangan kos operasi penyiasatan mahu pun peningkatan kadar respon yang diterima oleh responden.